



13 November 2014
13 November 2014
P.U. (A) 305

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) 2014

PETROLEUM (INCOME TAX) (EXEMPTION) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 65C(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2014**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini, “medan marginal PETRONAS” ertinya suatu medan sebagaimana yang ditentukan di bawah perenggan 3.

(2) Bagi maksud Perintah ini, “PETRONAS” adalah singkatan bagi Petroliam Nasional Berhad sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 3(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*].

Medan marginal PETRONAS

3. Menteri boleh menentukan suatu medan marginal PETRONAS iaitu suatu medan yang dikendalikan sepenuhnya oleh PETRONAS yang mempunyai rizab minyak mentah yang berpotensi tidak melebihi tiga puluh juta tong tangki stok atau rizab gas asli tidak melebihi lima ratus bilion kaki padu standard.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan PETRONAS dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan petroleum berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada operasi petroleum di dalam suatu medan marginal PETRONAS.

(2) Tertakluk kepada perenggan 5, pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A \times C}{B}$$

- iaitu
- A ialah cukai yang boleh dikenakan bagi PETRONAS berkenaan dengan operasi petroleumnya di dalam suatu medan marginal PETRONAS yang bersamaan dengan tiga puluh lapan peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai ditolak dengan cukai yang boleh dikenakan yang bersamaan dengan dua puluh lima peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai;
 - B ialah cukai yang boleh dikenakan bagi PETRONAS berkenaan dengan suatu medan marginal PETRONAS yang bersamaan dengan tiga puluh lapan peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai; dan
 - C ialah amaun bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan PETRONAS daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Akaun berasingan

5. PETRONAS hendaklah menyenggara akaun berasingan bagi pendapatannya yang diperoleh daripada suatu medan marginal PETRONAS dan bagi pendapatannya yang diperoleh daripada operasi petroleumnya yang lain.

Pendapatan berkanun

6. Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 4(1) hendaklah ditentukan mengikut Bab 4 Bahagian III Akta dan dengan mengambil kira